

4. TERMA PENTING LAIN

Kelayakan

- Pemilikan Tunggal
- Perkongsian
- Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)
- Syarikat/Institusi Swasta & Awam Berhad
- Kerajaan/Badan Berkanun
- Individual

Margin Pembiayaan ("MOF")

- Margin/kadar keuntungan berkesan untuk Kemudahan Talian Tunai-i adalah berdasarkan *Kadar Pembiayaan Asas (BFR) ditambah spread seperti berikut:
 - i. Spread Minimum adalah 0.50% setahun
 - ii. Spread Maksimum adalah 2.50% setahun

Tempoh Pembiayaan

- Tempoh pembiayaan adalah minimum satu (1) tahun dan tempoh maksimum pembiayaan adalah sepuluh (10) tahun tertakluk kepada semakan tahunan.

Kadar Keuntungan Siling

- 12.00% setahun.

Pra Pembayaran

- Kemudahan ini boleh dibayar terlebih dahulu dengan jumlah minimum RM10,000, dengan syarat tiga puluh (30) hari notis terdahulu secara bertulis diberikan kepada Bank.
- Tiada pra pembayaran atau bayaran separa (kecuali jumlah Keuntungan Tempoh Tangguh) dibenarkan pada bila-bila masa sebelum Kemudahan dikeluarkan sepenuhnya.

Penebusan

- Kemudahan ini boleh ditebus terlebih dahulu. Kos berkenaan dengan penebusan akan didebitkan ke akaun anda.

Bayaran Awal

- Sebarang bayaran yang melebihi ansuran bulanan pada masa pembayaran, tanpa notis awal akan dianggap sebagai bayaran awal.
- Bayaran awal ini akan digunakan untuk mengimbangi ansuran masa hadapan dan tidak akan mengurangkan baki tertunggak Kemudahan serta-merta.

Tempoh Tertutup

- Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup untuk Kemudahan Tunai-i Tawarruq ini dan juga tidak mengenakan yuran untuk membuat penjelasan awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunda pada masa penyelesaian.

Formula Rebat (ibra'):

- Rebat (ibra') = Keuntungan Tertunda – Anggaran kos munasabah yang ditanggung oleh Bank.

Nota:

- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru .
- Jumlah Keuntungan Dipersetujui = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank.
- Keuntungan terakru dikira atas Kadar Keuntungan Efektif prinsipal belum jelas (jumlah pembiayaan) yang digunakan.

Perlindungan Takaful

- Keperluan untuk perlindungan takaful adalah tertakluk kepada penilaian dari pihak Bank dan akan dinyatakan di dalam Surat Tawaran Bank.

Nota:

Pihak Bank boleh memberi sebutharga untuk sebarang takaful perlindungan wajib yang ditawarkan oleh panel Takaful pihak Bank. Walaubagaimanapun, anda juga bebas memilih perkhidmatan Takaful dari syarikat Takaful yang lain.

Perubahan Alamat dan Maklumat

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Selaras dengan polisi/garis panduan AFFIN ISLAMIC Bank Berhad dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan butiran hubungan mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan dan dialamatkan kepada AFFIN ISLAMIC Bank Berhad.

Jika anda mempunyai sebarang soalan, memerlukan bantuan mengenai atau ingin membuat aduan pembiayaan AFFIN Tawarruq Cash Line-i, anda boleh:



Hubungi kami di 03-8230 2222 (Pertanyaan Am & Pusat Perhubungan)
Tersedia setiap hari dari 8:00 pagi hingga tengah malam, termasuk cuti umum.



Lawati www.affinalways.com/en/tawarruq-cash-line-i



Lengkapkan borang maklum balas dalam talian kami yang terdapat di laman web kami: www.affingroup.com/bm/affin-customer-care

Imbas Kod QR di bawah untuk produk pembiayaan Bank:



Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda boleh:



Hubungi kami di 03-82302828 (Pengurusan Kualiti Aset)
Tersedia Isnin hingga Khamis dari 8:45 pagi hingga 5:45 ptg dan Jumaat dari 8:45 pagi hingga 4:45 ptg.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Hubungi AKPK di 03-26167766

PENGAKUAN PELANGGAN *

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

☐ Saya mengakui bahawa Affin Islamic Bank Berhad telah memberikan saya salinan LPP.

☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam LPP ini.

* Pengakuan pelanggan terhadap LPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian selepasnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama: _____

Tarikh: _____